

LAMPIRAN 1

**TAKWIM BENGKEL PEMANTAPAN OSC ONLINE  
MELALUI HANDS ON TRAINING (HOT) UNTUK PARA PROFESIONAL**

BULAN	SIRI	TARIKH
OKTOBER 2011	3 / 2011	25 Okt 2011 (Selasa)
NOVEMBER 2011	4 / 2011	23 Nov 2011 (Rabu)
DISEMBER 2011	5/2011	21 Dis 2011 (Rabu)

\* Sebarang pertukaran tarikh akan dimaklumkan kemudian.

## **1.0 KANDUNGAN LATIHAN**

Program Latihan yang dicadangkan adalah program sehari yang dipecahkan kepada empat sesi. Ini adalah program bengkel di mana pelatih dan peserta akan memasuki dan menggunakan sistem OSC Online secara terus dalam talian (online) atau menggunakan sistem demo secara LAN sewaktu di dalam seminar.

Sesi-sesi latihan adalah seperti berikut:-

- SESI 1 : Kehendak-kehendak OSC Online**
- SESI 2 : Penyediaan untuk e-Penyerahan**
- SESI 3 : e-Penyerahan menggunakan OSC Online**
- SESI 4 : Pasca Penyerahan & Pemantauan Menggunakan OSC Online**

### **SESI 1**

Pelatih akan diberi penjelasan tentang keperluan-keperluan dokumen untuk OSC Online. Ini termasuk keperluan dokumen untuk permohonan-permohonan perihal tanah, kebenaran merancang, pelan-pelan bangunan dan pelan-pelan kejuruteraan di dalam OSC Online. Keperluan yang diterangkan adalah keperluan yang piawai untuk semua PBT di mana keperluan-keperluan tempatan untuk permohonan-permohonan tertentu dan juga untuk keperluan PBT tertentu akan diterangkan di Sesi 2, penyediaan untuk e-Penyerahan.

### **SESI 2**

Pelatih akan dilatih secara terus "hands on" tentang persediaan untuk membuat permohonan. Ini termasuk menggunakan perisian-perisian tertentu untuk permohonan. Transformasi dari pelan, laporan dan dokumen ke bentuk pdf dan seterusnya kepada fail zip, akan diterangkan.

### **SESI 3**

Pemakaian sistem OSC Online sepenuhnya untuk membuat permohonan kepada PBT akan diterangkan. Peserta akan membuat pendaftaran sebagai PSP/SP, pendaftaran pemilik projek, pendaftaran projek, pendaftaran permohonan dan permintaan.

### **SESI 4**

Peserta akan diajar mengenai peranan dan tanggungjawab selepas menghantar permohonan dan juga diajar fungsi-fungsi pemantauan yang diberikan kepada PSP/SP untuk membuat pemantauan terhadap permohonan-permohonan yang telah dikemukakan.

## **2.0 BAYARAN KURSUS**

Permohonan hendaklah disertakan dengan bayaran sebanyak **RM 350.00** BAGI SETIAP PESERTA dalam bentuk \* TUNAI/KIRIMAN WANG/DRAF BANK/CEK ATAU WANG POS di atas nama **"YES ONLINE SDN BHD"**

**BORANG PENGESAHAN KEHADIRAN**

Ketua Pengarah  
 Jabatan Kerajaan Tempatan  
 Kementerian Perumahan & Kerajaan Tempatan  
 Aras 25-29, No 51, Persiaran Perdana  
 Presint 4  
**62100 PUTRAJAYA**

Y.Bhg.Datuk,

**BENKEL PEMANTAPAN OSC ONLINE MELALUI HANDS ON TRAINING  
 KEPADA PARA PROFESIONAL**

Dengan segala hormatnya saya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan senarai nama calon peserta/peserta-peserta bagi menghadiri "**Bengkel Pemantapan OSC Online melalui Hands On Training Kepada Para Profesional Siri \_\_\_\_\_**".

BIL.	NAMA PESERTA & No. KAD PENGENALAN	No. Telefon & email	DISIPLIN & ORGANISASI
1			
2			
3			
4			
5			

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

Yang Benar,

.....  
 Nama :  
 Jawatan :  
 Organisasi :  
 Telefon :

**Nota:**

**Sila kembalikan borang pengesahan kehadiran ini kepada pihak urusetia *pada atau sebelum satu minggu dari tarikh setiap siri bengkel* melalui email : [fara@kpkt.gov.my](mailto:fara@kpkt.gov.my)**

(Sila catat rujukan kami apabila berhubung)